

DATE: 27/12/2009

'Tak perlu siasat Dr. Mahathir'

Um - 27/12/2009

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Dis. – Kerajaan tidak perlu menyiasat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hanya kerana dakwaan-dakwaan oleh Barry Wain menerusi bukunya, *Malaysian Maverick*.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, rakyat dapat meneliti, menilai dan menghakimi sendiri pentadbiran beliau sepanjang 22 tahun memimpin negara.

Katanya, semua rakyat Malaysia terhutang budi atas kewibawaan Dr. Mahathir menerajui negara sehingga berjaya.

"Tidak perlulah kerajaan menyiasat pendapat yang gelojoh daripada penulis picians (Barry) itu," katanya ketika dihubungi *Ming-*

guan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Barry yang berpangkalan di Singapura itu menulis buku mengenai Dr. Mahathir ketika pentadbirannya bertajuk *Malaysian Maverick: Mahathir in Turbulent Times*.

Barry antara lain mendakwa Dr. Mahathir telah menyebabkan kerajaan kerugian sehingga RM100 bilion sepanjang era pentadbirannya.

Pengerusi DAP, Lim Kit Siang kemudian mahu kerajaan menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyiasat dakwaan tersebut.

Cabaran Kit Siang itu disahut Dr. Mahathir yang meminta kerajaan bersikap telus dan membuka semua siasatan berhubung perbelanjaan pada era pentadbirannya.

Rais berkata, apa yang didakwa Barry dalam bukunya itu hanya menjadi peluru po-

litik kepada parti-parti pembangkang untuk memburuk-burukkan Dr. Mahathir.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang sependapat dengan Rais berkata, bekas Perdana Menteri itu telah melakukan yang terbaik kepada negara.

"Yang penting beliau telah melaksanakan amanah dengan ikhlas demi bangsa dan tanah air, jadi tidak perlu diungkit-ungkit lagi," katanya.

Tambah beliau, apa yang lebih penting sekarang ialah semua rakyat Malaysia perlu bersungguh-sungguh melihat ke hadapan bagi mencapai wawasan negara.

"Di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak, kita yakin beliau akan meneruskan perjuangan pemimpin sebelum ini dengan tekad baru," katanya.



DR. RAIS YATIM